

Headline	George Kent bekerjasama bida HSR
MediaTitle	Utusan Malaysia
Date	13 Feb 2018
Section	Ekonomi
Page No	15
Language	Malay
Journalist	N/A
Frequency	Daily



George Kent bekerjasama bida HSR

KUALA LUMPUR 12 Feb. - George Kent (Malaysia) Bhd. (George Kent) mengumumkan kerjasama dengan Siemens, Alstom, Ferrovie dello Stato Italiane dan PORR untuk membentuk konsortium kejuruteraan, pemerolehan dan pembinaan (ECM) serta operasi dan penyelenggaraan (O&M) bagi membida projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur-Singapura (HSR KL-SG)

Pengerusi George Kent, Tan Sri Tan Kay Hock berkata, kerjasama tersebut bakal menyaksikan gabungan teknologi Eropah oleh pakar dalam bidang masing-masing yang berpengalaman luas di samping menggunakan kepakaran tempatan.

Katanya, Siemens dan Alstom masing-masing mempunyai pen-



**TAN SRI TAN
KAY HOCK**

galaman luas dalam melaksanakan projek kereta api berkelajuan tinggi merentas sempadan yang kompleks, manakala Ferrovie dello Stato Italiane

pula akan menawarkan kepakarannya dalam operasi landasan hasil daripada pengalaman globalnya.

Beliau berkata, PORR yang merupakan sebuah syarikat infrastruktur Austria terkemuka pula menawarkan teknologi landasan bagi kereta api berkelajuan tinggi.

“George Kent telah membentuk satu pasukan yang kuat dan akan bekerja bersama-sama dengan rakan-rakan yang berpengalaman untuk menyampaikan dan mengendalikan sistem kereta api berkelajuan tinggi yang paling selamat dan paling boleh dipercayai di dunia.